

DIARI
RAUDAH

JUMAAT | 19 JULAI 2019
www.sinarharian.com.my/rencana

Sinar
ISLAM

Yayasan Petronas

kongsi kegembiraan

Lebih 2,800 individu
kurang bernasib baik
bersyukur terima bantuan

MEMBERI pertolongan kepada mereka yang memerlukan amat dituntut dalam Islam, malah ia sebenarnya menambah keceriaan kepada insan yang dibantu.

Pada masa sama, hubungan persaudaraan dapat dieratkan selain mendidik jiwa supaya tidak menjadi manusia yang mementingkan diri sendiri.

Itu yang dilakukan oleh 700 sukarelawan kepada golongan yang kurang bernasib baik di seluruh negara pada program Sentuhan Kasih Yayasan Petronas bermula sejak 8 Mei dan berakhir 5 Julai lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Petronas, Lita Osman berkata, sepanjang tempoh itu, lebih 2,800 keluarga dan individu termasuk warga emas, golongan kurang berkemampuan, anak-anak yatim, orang kelainan upaya, penghuni rumah amal serta mereka yang mendiami kawasan terpencil di seluruh negara menerima sumbangan daripada pihaknya.

Katanya, sumbangan diberikan



SUKARELAWAN bergambar kenangan pada program Sentuhan Kasih Yayasan Petronas di seluruh negara bermula sejak 8 Mei hingga 5 Julai lalu.

berbentuk tunai dan barangan yang berjumlah RM815,000 keseluruhannya.

"Sinar kegembiraan jelas terpancar pada mata para sukarelawan kami yang berasal daripada pelbagai latar belakang dan generasi apabila mereka dapat berganding bahu dan bersatu hati untuk menjayakan usaha murni itu.

"Saya amat berbangga dengan para

sukarelawan kami yang komited hingga sanggup berkorban masa dan tenaga semata-mata untuk menjalankan tugas, yang di luar bidang kerja mereka," katanya dalam satu kenyataan media baru-baru ini.

Sementara itu, jurutera reservoir, Abdul Hakim Mazeli yang juga seorang sukarelawan Yayasan Petronas berkata,



SUKARELAWAN Yayasan Petronas di Sarawak memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukan pada program Sentuhan Kasih yay itu baru-baru ini.

pengalaman yang dikutip sepanjang program itu memberi peluang kepadanya untuk berinteraksi dengan golongan kurang bernasib baik yang jarang ditemui.

"Saya amat bersyukur dan berharap usaha kecil saya itu akan menjana perubahan dalam kehidupan mereka. Saya juga amat gembira kerana berkenalan dengan ramai rakan baharu pada program itu," ujarnya.

Sepanjang program berkenaan, kakitangan Petronas mengendalikan dan menganjurkan 24 aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, membeli belah dan menyumbang barangan makanan.

Selain itu, program berkenaan turut menarik penglibatan kanak-kanak melalui aktiviti-aktiviti menyeronokkan seperti mewarna, bercerita, menyampaikan duit raya, ceramah motivasi dan membeli belah kelengkapan Aidilfitri.